

Headline	Anak Senator Orang Asli terbaik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	12	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,261
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,783



FATIN menunjukkan piala dan sijil yang diterima.

**Kuala Lumpur:** Anak kepada Senator mewakili Orang Asli, Datuk Isa Ab Hamid iaitu Fatin Solehah antara penerima Anugerah Khas Pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 dalam Majlis Anugerah Murid Cemerlang Orang Asli.

Fatin Selohah, 18, yang memperoleh 4A+, 2A, 4A dan 1B+ dalam mata pelajaran diambil berkata, kejayaannya itu didorong oleh sikap ayahnya yang tegas.

"Walaupun, saya bersekolah di asrama namun ayah sentiasa mengambil tahu mengenai pendidikan anak-anaknya.

"Beliau sentiasa memberikan nasihat serta motivasi bahawa masyarakat Orang Asli boleh berjaya seperti masyarakat lain yang ada di negara ini.

"Selain itu, saya turut mengamalkan tiga perkara iaitu menjaga hubungan Allah dan manusia, niat dengan

## Anak Senator Orang Asli terbaik

“**Walaupun, saya bersekolah di asrama namun ayah sentiasa mengambil tahu mengenai pendidikan anak-anaknya**”

**Fatin**

betul dan sentiasa menghormati golongan pendidik," katanya yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Asasi Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dia ditemui selepas Majlis Anugerah Murid Cemerlang Orang Asli Tahun 2017 dan

2018 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator P Waytha Moorthy dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Prof Dr Juli Edo.

Dalam pada itu, penerima Anugerah Khas Pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2018, Nor Faiza Rosidin, 20, berkata, dia bersyukur dengan kejayaannya yang mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.83.

Nor Faiza berkata, dia baru saja selesai menjalani temuduga di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas.